

# Malaysia terus jadi pilihan pelabur asing

## Perkembangan domestik kurangkan tempas kesan ekonomi AS

Oleh Azman Mahmood

**K**UALA LUMPUR: Perkembangan pasaran domestik yang diiana pertumbuhan ekonomi antara faktor menjadikan Malaysia mampu berdepan kesan kemelesetan ekonomi yang dijangka berlaku di Amerika Syarikat seterusnya mengukuhkan meneruskan keyakinan pelabur asing.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Awang Adek Hussin, berkata Malaysia, mempunyai asas ekonomi kukuh dan kadar pertumbuhan enam peratus ketika ini menjadikan pelabur asing, syarikat antarabangsa dan bank asing yakin untuk terus melebarkan operasi.

Katanya, Malaysia juga boleh berada dalam keadaan selesa dan mampu bertahan jika kemelesetan berlaku di Amerika Syarikat kerana rizab antarabangsa yang besar, kira-kira AS\$101 bilion (RM323.2 bilion), mampu menampung import untuk tempoh lapan bulan berturut-turut.

"Jadi, kita (Malaysia) sebenarnya ada kekuatan. Kalau pun ada kejutan (kejatuhan kecil) dalam pasaran saham serantau dan di Bursa Malaysia, itu tidak membawa kesan jangka panjang kepada pertumbuhan ekonomi negara," katanya kepada *Berita Harian* ketika dihubungi, semalam.

**“Kita sebenarnya ada kekuatan. Kalau pun ada kejutan (kejatuhan kecil) dalam pasaran saham serantau dan di Bursa Malaysia, itu tidak membawa kesan jangka panjang”**

Dr Awang Adek Hussin  
Timbalan Menteri Kewangan

Beliau diminta mengulas kedudukan ekonomi negara yang dilaporkan terus kukuh dan mampu menghadapi kemelesetan ekonomi yang dijangka berlaku di Amerika Syarikat seperti dinyatakan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi di Davos, Switzerland kelmarin.

Beberapa pemimpin perniagaan antarabangsa termasuk institusi perbankan juga melahirkan keyakinan terhadap ekonomi negara dan mereka menyatakan komitmen untuk mengembangkan operasi di negara ini.

Mengulas komitmen entiti perniagaan antarabangsa itu, Awang Adek berkata, pelabur asing melihat perkembangan ekonomi di seluruh dunia dan Malaysia menjadi destinasi pilihan kerana asas ekonomi negara sentiasa kukuh dan pertumbuhan ekonomi domestik yang rancak.

"Projek ekonomi dan pembangunan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang berjalan lancar dan rancangan pembangunan di koridor

ekonomi Pantai Timur, Utara, Selatan, Sabah dan Sarawak, menjadikan pelabur yakin terhadap kekuatan ekonomi negara,

"Semua perkembangan itu diambil kira termasuk kesan inflasi oleh pelabur asing sebelum membuat keputusan menanam modal. Kedudukan inflasi kita yang terkawal pada paras 2.5 peratus ketika ini turut menarik perhatian pelabur asing," katanya.

Sementara itu, Pakar Ekonomi dan Perbankan Islam, Datuk Dr Nik Norzrul Thani Hassan Thani, berkata pendekatan kerajaan mempelbagai pasaran ekonomi khususnya dengan negara pasaran baru muncul adalah langkah bijak.

Beliau percaya Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan mempunyai strategi untuk terus mengukuhkan pertumbuhan ekonomi negara dengan melihat kepada pasaran baru di negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan menarik pelaburan dari Asia Barat.